

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

RGW 453 - Kontrak Dan Undang-Undang Bangunan

Tarikh: 8 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari

(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: DUA soalan dari tiap-tiap Bahagian A dan B.

Gunakan Buku Jawapan yang BERASINGAN bagi setiap Bahagian.

BAHAGIAN A (jawab DUA soalan)

1. Terangkan kesemua perkara berikut dengan memberi contoh daripada segi pembangunan atau tempatan.

- a) Sumber undang-undang
- b) Undang-undang sivil
- c) Konsep perasingan kuasa
- d) Perundangan perwakilan/tambahan
- e) Akta Kerajaan Tempatan 1976

(25 markah)

2. a) Huraikan apakah keperluan-keperluan asas yang patut dipertimbangkan untuk sesuatu sistem kawalan bangunan?

(7 markah)

b) Apakah dua kaedah kawalan untuk industri bangunan? Terangkan kaedah yang dipraktis di negara kita.

(9 markah)

- c) Apakah komponen-komponen induk bagi kawalan bangunan?
Huraikan dengan contoh-contoh tempatan.

(9 markah)

3. a) Daripada sumber manakah Undang-Undang Kecil Seragam Bangunan mendapatkan kewibawaannya? Terangkan bagaimana kandungan di dalam perundangan tersebut mencerminkan keperluan-keperluan asas masyarakat.

(15 markah)

- b) Mengapakah satu set Undang-Undang Kecil Seragam diperkenalkan untuk negara kita? Kehendak-kehendak di dalam dokumen tersebut adalah dianggap sebagai minimum, tetapi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan garis panduan bagi Perumahan Kos Rendah dengan kepiawaian yang lebih rendah lagi. Apakah pendapat anda tentang keadaan ini?

(10 markah)

BAHAGIAN B (jawab DUA soalan)

(Semua jawapan mestilah berpandukan perjanjian dan skedul syarat-syarat Kontrak Bangunan Pertubuhan Arkitek Malaysia).

4. Bincangkan dengan ringkas kesemua perkara berikut:

- a) Arahan Pegawai Penguasa
- b) Subkontraktor Dinamakan
- c) Pemilikan Tapak Bina
- d) Perubahan
- e) Tempoh Liabiliti Kecacatan

(25 markah)

5. Apakah tindakan anda sebagai Pegawai Penguasa di dalam semua perkara berikut:
- a) Pembekal Bahan membuat aduan bahawa bil-bil mereka tidak dijelaskan oleh kontraktor.
 - b) Kontraktor diarah mendedahkan untuk pemeriksaan kerja yang tertutup dan didapati kerja tersebut mengikut spesifikasi. Kontraktor menuntut kos pembaikan.
 - c) Kontraktor mengadu bahawa pihak majikan telah meletakkan kenderaan-kenderaan berat di atas tapak binaan dan mengganggu perjalanan kerja-kerja binaan.
 - d) Kontraktor meminta penambahan kepada kos kontrak asal di atas kenaikan harga simen sebanyak 5%.
 - e) Pihak majikan mengarahkan perubahan tanpa bertulis dan kemudiannya enggan membayar kos perubahan tersebut setelah siap. Kontraktor membuat aduan tentang perkara ini.

(25 markah)

6. a) Kontraktor membuat aduan, bahawa kontrak tidak dapat di-sempurnakan mengikut masa yang ditetapkan kerana artisan dan tukang-tukang yang diambil oleh majikan tidak dapat menyiapkan kerja mereka di dalam tempoh yang diberikan. Sehubungan dengan ini kontraktor membuat Tuntutan Lanjutan Masa dan ganti rugi daripada majikan. Apakah tindakan anda sebagai Pegawai Penguasa tentang perkara ini?

(15 markah)

- b) 'Award yang diberikan oleh Penimbangtara itu adalah muktamat dan mengikat kedua-dua pihak'.

Bincangkan kenyataan ini.

(10 markah)